

Bisnes

Robinsons tutup dua gedung di Malaysia

Syarikat lantik Keng Tuan jadi pembubar interim

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Robinson Co (Malaya) Sdn Bhd (Robinsons) memulakan proses penutupan dua gedungnya di negara ini terletak di The Gardens Mall dan Shoppes at Four Seasons Place.

Syarikat itu sudah melantik Datuk Robert Teo Keng Tuan daripada RSM Malaysia sebagai pembubar interim.

Pembubar akan mempunyai kawalan ke atas aset syarikat dan menilai pilihan untuk merealisasikan nilai bagi memaksimumkan pulangan kepada pemiutang.

Tertakluk kepada pengesahan, pembubar berharap gedung terbabit akan kekal dibuka untuk beberapa minggu lagi bagi memudahkan jualan terakhir sebelum ditutup.

Pengurus Besar Kanan Robinsons, Danny Lim, berkata keputusan yang diambil syarikat ada-



Penutupan di Shoppes at Four Seasons Place dan The Gardens Mall berikutan perubahan landskap pengguna.

lah sesuatu yang amat dikesali kerana di sebalik cabaran dalam industri, pasukannya terus berusaha menajayakan jenama itu.

Bagaimanapun, tegasnya, perubahan landskap pengguna menyukarkan syarikat untuk berjaya dalam jangka panjang dan COVID-19 memperhebatkan lagi cabaran berkenaan.

"Kami sudah mengecapi kejayaan sejak beberapa tahun lalu dan menjadi satu penghargaan bagi Robinsons untuk beroperasi dalam pasaran Malaysia.

"Saya berterima kasih atas de-

dikasi pasukan dan sokongan yang ditunjukkan pelanggan sejak beberapa tahun ini," katanya dalam satu kenyataan.

Kakitangan Robinsons sudah dimaklumkan oleh pengurusan dan pembubar mengenai perkara itu, semalam.

Mereka diberi jaminan pembubar akan berusaha memaksimumkan pulangan kepada pemiutang, termasuk kakitangan.

Pengurusan Robinsons juga beri jaminan kakitangan disokong dengan bayaran, menepati undang-undang pembubar.

Bayaran itu akan dibuat pada pusingan pembayaran akan datang, mendahului proses pembubar biasa yang selalunya mengambil masa beberapa bulan.

Pembubar akan memaklumkan pihak berkuasa berkaitan bagi menyokong kakitangan semasa tempoh pembubar ini.

Pada masa sama, gedung Robinsons di Singapura terletak di The Heeren dan Raffles City Shopping Centre bakal melaksanakan proses penutupan dengan pelantikan Cameron Duncan serta David Kim sebagai pembubar.

Focus Dynamics, Saudee buka kios burger robotik

Focus Dynamics Group Bhd (Focus) dijangka membuka kios burger menggunakan khidmat robot awal tahun depan, sekali gus menjadi perkhidmatan pertama seumpamanya di Malaysia.

Perkhidmatan kios burger robotik yang turut menjadi inisiatif sulung Focus Dynamics dalam operasi makanan dan minuman (F&B) itu diperkenalkan menerusi kerjasamanya dengan Saudee Group Bhd (Saudee).

Kedua-dua syarikat semalam memeterai perjanjian induk bagi mewujudkan kios burger robotik pertama di Malaysia.

Pengarah Eksekutif Focus Dynamics, Benson Tay Ben Seng, berkata robotik adalah generasi inovasi seterusnya yang bakal menerajui industri F&B dengan khidmat robot sudah digunakan di seluruh dunia termasuk di bar, restoran dan rantaian bekalan.

Katanya, penggunaan robot akan dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan risiko kecurian dan menjadi faktor inovatif dalam melayan pelanggan.

"Dengan pandemik COVID-19 menjadi isu global ketika ini, aspek penjarakan fizikal dan meminimumkan kontak sudah membawa kepada penerapan robotik dalam industri F&B dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya dalam kenyataan.

Ben Seng berkata, Focus Dynamics bercadang terus meneroka inovasi dan teknologi baharu bagi langkah transformasi perkhidmatan F&B tradisional.

"Kerjasama dengan Saudee dilihat sebagai cara mempercepatkan cadangan syarikat menjadi penggerak perintis dalam trend robotik F&B," katanya.

Saudee adalah pengeluar makanan berbungkus terkemuka



Ibu pejabat Focus Dynamics di Petaling Jaya.

menerusi jenama premium Saudee Gold dengan rangkaian produk halal termasuk sosej berkualiti tinggi, roti burger dan nuget.

Kerjasama itu menyaksikan Focus Dynamics akan berkongsi kepakarannya untuk membangunkan operasi robotik automatik dan lancar dengan interaksi minimum manusia.

Sementara itu, Saudee menyediakan proses pembangunan dan penyelidikan untuk menghasilkan makanan berbungkus dan sesuai dengan aspek robotik.

Pengarah Eksekutif Saudee,

Mak Siew Wei, pula berkata operasi robotik F&B perlun kajian dalam penyediaan pembungkusan dan kualiti daging mentah bagi memberikan komposisi tepat yang diperlukan supaya robot dapat menghasilkan makanan berkualiti.

"Bagi mewujudkan kios burger robotik pertama, Saudee dan Focus Dynamics merancang mewujudkan kios dan trak makanan sebagai model yang akan memaparkan teknologi, sekali gus untuk membina kesedaran mengenai aspek robotik," katanya.



Hasnita Hashim

Hasnita Pengerusi Maybank Kim Eng, Maybank IB

Maybank Kim Eng Holdings Ltd dan **Maybank Investment Bank (Maybank IB)** melantik Dr Hasnita Hashim dilantik sebagai pengerusi baharu berkuat kuasa 2 November ini.

Dr Hasnita akan mengambil alih jawatan Datuk Mohaiyani Shamsudin yang bersara daripada kumpulan perbankan itu pada 1 November ini.

Beliau berkhidmat di Lembaga Pengarah Maybank sejak 1 Julai 2016 apabila dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif bebas.

Hasnita mempunyai 30 tahun pengalaman pengurusan kewangan global dalam bidang pengurusan aset, kewangan berstruktur serta penselidikan aset dengan memegang peranan pengurusan kanan di syarikat tempatan dan multinasional lebih 20 tahun.

Beliau juga terkenal sebagai pelopor dan inovator dalam kewangan Islam dan mempunyai hubungan yang luas dengan pelabur besar dan pemain perniagaan utama khususnya dari negara Teluk Arab.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias, berkata pengalaman luas Hasnita, terutama dalam bidang pengurusan kewangan global akan menjadi aset penting bagi Kumpulan Perbankan Pelaburan Maybank, yang sedang berusaha memperkukuhkan lagi francisnya pada peringkat global.

"Dengan pandangan mendalam yang dimilikinya dalam operasi Kumpulan Maybank, kami yakin beliau akan terus memanfaatkan kemampuannya untuk memimpin kumpulan perbankan pelaburan menepuh cabaran semasa ketika ini," katanya.

Info

» Hasnita berkhidmat di Lembaga Pengarah Maybank 1 Julai 2016.

» Mempunyai 30 tahun pengalaman pengurusan kewangan global.